

PELAKSANAAN PROGRAM LINUS DI SEKOLAH RENDAH  
DAERAH MUAR

ROSLAN BIN KADRI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

JANUARI 2014

## DEDIKASI

Ditujukan istimewa kepada:

Isteri tercinta  
Noraihan Binti Kassim

Segala Kesabaran Dan Doamu Menjadi Nadi kejayaan Ini. Terima Kasih Kerana Sentiasa Memahami Dan Tidak Jemu memberi Dorongan Dan Sentiasa Berada Disamping Dikala Susah Mahupun Senang.

Buat Anak-Anakku Yang Sentiasa Memahami  
Nur Iffah Ridwana, Nur Alya Syazwana, Muhammad Danish Zafri,  
Nur Lidya Syazwina dan Nur Syasya Afrina

Dirimu Sumber Inspirasiku Dan Semoga Anakanda Juga Akan Terus Berjaya

Buat ayahanda dan bonda yang sentiasa memberi dorongan  
dan mendoakan kejayaan buat anaknya  
Hj Kadri Bin Karim dan Hajjah Esah Binti Bani

Pihak Pentadbir Dan Rakan Setugas Di PPD, Yang Bertimbangrasa Memahami Keadaan Dan Memberi Perlepasan Serta kelonggaran Kepada Saya Untuk Mengikuti Kelas Pada Hujung Minggu

Rakan-Rakan Yang Banyak membantu Dan Memberi Galakan  
Terima Kasih Kerana Sentiasa Memberikan Idea, Semangat Dan Sokongan  
Tika Diri Ini Memerlukan  
Inilah Hadiah Buat Semua. Terima Kasih!  
Semoga Kita Semua Diberkati Dan DirahmatiNya  
Amin

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t diatas kurniaNya kerana memberi ketabahan dan kesabaran kepada penulis untuk menyempurnakan kajian ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada PM Dr. Hj Mohd Anuar Bin Abdul Rahman selaku penyelia kajian ini di atas nasihat, teguran, dorongan dan bimbingan yang berterusan sepanjang projek ini. Kesabaran, komitmen dan keikhlasan Dr amat penulis kagumi.

Ucapan penghargaan juga diberikan kepada semua pensyarah dan rakan-rakan yang telah memberikan kerjasama secara langsung atau tidak sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada semua Guru Cemerlang dan rakan-rakan guru yang terlibat sebagai responden kajian.

Akhir sekali buat isteri, ibu bapa, anak-anak serta keluarga terima kasih diatas dorongan dan sokongan kalian. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi untuk kecemerlangan kalian di masa depan. Semoga Allah melimpahi kesejahteraan, kerahmatan dan keberkatan kepada kita semua selamanya.

## ABSTRAK

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk mengetahui program LINUS dan peranan yang dimainkan oleh FasiLINUS dalam menyelia program LINUS di sekolah rendah di daerah Muar. Kajian ini juga bertujuan melihat keberkesanan FasiLINUS di sekolah berdasarkan tugasnya. Responden kajian ini adalah terdiri dari penyelaras LINUS dan guru-guru yang mengajar LINUS di sekolah rendah di sekolah [SK,SJK(C) dan SJK(T)] di daerah Muar, Johor. Untuk memperkukuhkan dapatan, temubual dilakukan ke atas sembilan orang guru LINUS di mana kajian ini dilakukan. Instrumen kajian telah diuji melalui kajian rintis untuk menentukan peranan FasiLINUS dalam program LINUS dan masalah yang dihadapi dalam program LINUS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan FasiLINUS dan guru-guru yang mengajar melaksanakan program LINUS di sekolah. Selain itu guru-guru yang mengajar LINUS juga menyatakan masalah-masalah yang dihadapi semasa mengajar murid LINUS di dalam program LINUS di sekolah rendah di daerah Muar. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi guru-guru LINUS. Responden kajian untuk sesi temu bual terdiri daripada sembilan orang guru di sekolah rendah dan bersoal jawab yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan LINUS, peranan FasiLINUS dan masalah yang dihadapi dan strategi menyelesaikan masalah dalam program LINUS. Instrumen kajian telah diuji melalui kajian rintis untuk menentukan kebolehpercayaan berdasarkan masalah-masalah yang dihadapi guru-guru dalam menjalankan program LINUS di sekolah rendah di daerah Muar. Hasil kajian rintis ini menunjukkan kebolehpercayaan program LINUS. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan program LINUS.. Selain itu, guru-guru juga menyatakan beberapa masalah yang dihadapi di dalam program LINUS tersebut. Beberapa cadangan kajian lanjutan telah dikemukakan untuk penyelidikan pada masa hadapan diantaranya guru besar dan guru tahap 1 perlu mempersiapkan diri dengan ilmu LINUS. Segala cadangan kajian lanjutan telah dibincangkan dalam bab 5

## **ABSTRAC**

Qualitative research aims to know the program for LINUS and the roles of FasiLINUS in overseeing the LINE programme in primary schools in the districts of Muar. This study also aims to look at the effectiveness of FasiLINUS in school based on its work. Respondents are the co-ordinator for LINUS and teachers who teach for LINUS in primary schools in school [SK, SJK (C) and SJKT (T)] in the District of Muar, Johor. To make strong findings, interviews conducted on the nine LINUS teachers where the research is performed. An instrument has been tested through a pilot study to determine the role of the FasiLINUS in the program LINUS and problems encountered in the program LINUS. The findings indicate that the role of the FasiLINUS and teachers who teach implement programme for LINUS in school. In addition teachers who teach for LINUS also noted the problems encountered while teaching students in LINUS in primary schools in the districts of Muar. All suggestion about study have been discussed in chapter 5.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
	<b>SENARAI SIMBOL</b>	xix
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	6
	1.3 Pernyataan Masalah	10
	1.4 Objektif Kajian	12
	1.5 Persoalan Kajian	12

1.6	Rasional	1
1.7	Kepentingan Kajian	13
1.8	Skop Kajian	14
1.9	Kerangka Konseptual	19
1.10	Kesimpulan	20

## **2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	21
2.2	Peranan FasiLINUS	24
2.2.1	Menyampaikan maklumat	24
2.2.2	Menyelaraskan latihan	25
2.2.3	Bimbingan dan iatihan	25
2.2.4	Membantu pihak sekolah	25
2.2.5	Memberi kerjasama KPM,JPN,PPD	26
2.2.6	Membimbing,memantau pelaksanaan LINUS	26
2.2.7	Mengumpul dan menganalisis data	27
2.2.8	Bekerjasama dengan guru pemulihan	27
2.2.9	Memantau sekolah dalam Program LINUS	28
2.2.10	Menilai keberkesanan Program LINUS	28
2.2.11	Menetapkan sasaran bilangan murid LINUS	29
2.3	Kebolehan guru LINUS	29
2.3.1	Menyediakan fail Program LINUS	29
2.3.2	Mengendalikan saringan LINUS	30
2.3.3	Mengumpulkan saringan murid	30
2.3.4	Mengenaalpasti murid LINUS	30
2.3.5	Mentadbir kelas	31
2.3.6	Mahirr dalam PdP	31
2.4	Kesimpulan	33

### **3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	35
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	36
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	39
3.5	Instrumen Kajian	46
3.5.1	Soal Selidik	39
3.5.2	Temubual	40
3.5.3	Analisa Dokumen	41
3.5.4	Dokumen Bergambar	42
3.5.5	Tinjauan dan Analisis	42
3.5.6	Semakan dokumen	43
3.6	Lokasi Kajian	43
3.7	Kajian Rintis	43
3.8	Takwim / Kaedah Kajian	44
3.9	Kaedah Analisa	44
3.10	Kesimpulan	46

### **4 ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	47
4.2	Menganalisis Data Kualitatif	48
4.2.1	Konsep dan tujuan Program LINUS	48
4.2.2	Masalah Pentadbiran	50
4.2.3	Masalah PdP Guru	52
4.2.4	Membina hubungan baik PIBG/Komuniti Luar	55
4.2.5	Aktiviti LINUS sekolah	55
4.2.6	Peranaan FasiLINUS di sekolah	61



4.2.7 Cadangan Penambahbaikan dalam Program LINUS 69

4.3. Kesimpulan 73

## **5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	75
5.2	Rumusan	75
5.3	Perbincangan	77
	5.3.1 Maklumat latar elakang responden	77
	5.3.2 Konsep program LINUS	78
	5.3.3 Masalah Utama Dalam Program LINUS	78
	5.3.4 Kaedah Penyampaian Program LINUS	81
	5.3.5 Strategi Program LINUS	83
	5.3.6 Rungutan guru dalam Program LINUS	85
	5.3.6 Rungutan guru dalam Program LINUS	85
5.4	Cadangan Kajian	86
5.5	Kesimpulan	87

### **RUJUKAN**

### **LAMPIRAN**

**SENARAI JADUAL**

<b>JADUAL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1	Senarai semak pemerhatian semasa temubual	93

**SENARAI SINGKATAN**

SPSS	-	Statistical Package for Social Sciences
Bil	-	Bilangan
M	-	Min
SD	-	Sisihan Piawai
SK	-	Sekolah Kebangsaan
SJKC	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SKM	-	Sekolah Kurang Murid
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
PIBG	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru

SPBT	-	Skim Pinjaman Buku Teks
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PLBS	-	Penilaian Lisan Berasaskan Sekolah
ABM	-	Alat Bantu Mengajar
KWAPM	-	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
PSS	-	Program Susu Sekolah
ICT	-	Information and Communication Technology
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PBS	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
LPS	-	Lembaga Pengelola Sekolah
P d P	-	Pembelajaran dan Pengajaran
HEM	-	Hal Ehwal Murid
SBT	-	Skim Baucer Tuisyen
SSDM	-	Sistem Salah Laku Disiplin Murid
SPI	-	Surat Pekeliling Ikhtisas
LAB	-	Laporan Adab Belajar
NUTP	-	National Union Of The Teaching Profession
TTG	-	Tugas dan Tanggungjawab Guru
MSSD	-	Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah
MSSJ	-	Majlis Sukan Sekolah-sekolah Johor
MSSM	-	Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia
JKPMIBTG	-	Jawatankuasa Kerja Pelaksana Menangani Isu Beban Tugas Guru
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
SAP	-	Sistem Analisis Peperiksaan
SAPS	-	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
PKBS	-	Penilaian Kursus Berasaskan Sekolah
TP	-	Tidak Pernah
SS	-	Sekali Sekala

KK	-	Kadang Kadang
K	-	Kerap
SK	-	Sangat Kerap
EPRD	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
JPNJ	-	Jabatan Pelajaran Negeri Johor
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
MCE	-	Malaysian Certificate of Education
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
HSC	-	Higher School Certificate
ANOVA	-	Analysis Of Variance
KIA2M	-	Program Kelas Intervensi Asas Membaca dan Menulis
NRKA	-	National Key Result Areas / Bidang Keberhasilan Utama Negara
FPN	-	Falsafah Pendidikan Negara
LINUS	-	Literacy & Numeracy Screening
KIA2A	-	Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis
BPPI	-	Borang Pelaporan Awal Membaca dan Menulis
RPH	-	Rancangan Pelajaran Harian
FasiLINUS	-	Fasilitator LINUS

### SENARAI SIMBOL

%	-	Peratus
f	-	Kekerapan
$\alpha$	-	Alpha
df	-	Degrees of Freedom
p	-	Nilai Signifikan

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Surat kebenaran menjalankan kajian	94
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari PPD Muar	95
C	Surat pengesahan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	96
D	Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Dengan Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dalam Pendidikan (EPRD)	97

E	Senarai nama pelajar	98
E	Transkrip Temubual	99

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Setiap murid belajar cara untuk memperoleh ilmu pengetahuan sepanjang kehidupan mereka (menerapkan perasaan ingin tahu dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat) untuk membolehkan murid menghubungkan pelbagai disiplin ilmu.

Lebih penting lagi, dalam ekonomi berasaskan pengetahuan, mereka perlu mencipta ilmu yang baru. Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penyelesaian masalah, penaaakulan dan pemilihan kreatif dan inovatif. Dalam sistem pendidikan, bidang ini kurang diberi perhatian menyebabkan murid kurang berupaya untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan berfikir secara kreatif di luar konteks akademik.

Membaca, menulis, mengira dan menaakul merupakan kemahiran asas yang perlu dimiliki oleh setiap murid yang berada di sekolah rendah.. Kemahiran literasi mesti dikuasai oleh murid apabila mereka dapat mengenal huruf, membaca dan menulis. Kemahiran numerasi pula adalah penguasaan membaca, mengenal dan menulis nombor. Penguasaan kemahiran literasi dan



numerasi akan mengupayakan murid lebih produktif dan lebih berkeyakinan untuk menyertai aktiiti komuniti setempat dan masyarakat keseluruhannya pada masa akan datang.

Bagi merealisasikan hasrat ini, satu bentuk perancangan yang baik, tersusun, terarah, bermatlamat dan bermakna perlu direncanakan. Perancangan Strategik LINUS merupakan satu usaha untuk menetapkan hala tuju perjalanan Program LINUS sekolah agar dapat menyumbang sesuatu kepada murid-murid Tahap 1. Perancangan strategik yang disusun ini akan menjadi pelan operasi bagi setiap program yang akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa LINUS di sekolah.

Program yang mula dilaksanakan di semua sekolah rendah kecuali murid berkeperluan khas berupaya menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira selepas tiga tahun mengikuti persekolahan. Strategi pertama bagi mencapai matlamat tersebut ialah mengadakan saringan 1 untuk mengenal pasti aras keupayaan murid dalam literasi dan numerasi. Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dipertanggungjawab untuk menerajui usaha untuk mengatasi masalah literasi dan numerasi di sekolah rendah.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah berusaha sepenuhnya untuk mengatasi masalah keciciran ini dengan pelbagai program termasuk program pemulihan. Sebelum ini program pemulihan untuk murid tahun 2 dan 3. Mereka diberi bimbingan dan tunjuk ajar oleh guru di sekolah mereka belajar. Bagi murid Tahap 2 pula Program Asas Kemahiran Membaca dan Menulis (PROTIM) telah diadakan. Pada tahun 2008 Data PROTIM menunjukkan seramai 48233 murid Tahun 4 belum menguasai kemahiran asas membaca( literasi) dan menulis. Manakala 117,000 murid Tahun 4 belum menguasai kemahiran asas mengira.

Oleh itu, KPM telah memberi perhatian yang sepenuhnya kepada masalah ini. 60 peratus pelajar tahap 1 di sekolah seluruh negara masih belum

menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Oleh itu satu pendekatan baharu perlu dilaksanakan supaya masalah membaca menulis ini dapat di kesan dan dipulihkan seawal murid di Tahap 1. Jika tidak dipulihkan sepenuhnya murid tidak menguasai kemahiran literasi dan numerasi. Murid akan keciciran dan sukar memenuhi keperluan melanjutkan pelajaran dan kerjaya mereka di masa akan datang.

Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah diamanahkan mengawas, melaksana dan menyelaras *Ministry Key Performance* (NKPI) KPM iaitu semua murid yang tiada masalah pembelajaran berupaya menguasai kemahiran membaca, menulis, mengira selepas mengikuti pendidikan tiga tahun di peringkat rendah pada akhir tahun 2012. Maka menyedari perkara ini berlaku, KPM mahukan program ini berjalan lancar maka LINUS sendiri menjadi penyambung mengikut daripada program sedia ada dan dirancang dengan lebih teliti dan sistematik.

Program ini wajib dilaksanakan oleh semua sekolah di bawah kendalian KPM. Program saringan Literasi dan Numerasi yang dilaksanakan kini merupakan alternatif yang bersepadu untuk murid Tahun 1, 2 dan 3 yang dinamakan Tahap 1. Saringan ini dilakukan tiga kali setahun iaitu pada bulan Mac, Jun dan September setiap tahun untuk mengenalpasti tahap murid. Tetapi mulai tahun 2013 hanya dilaksanakan 2 kali setahun iaitu mulai Mac dan September setiap tahun. Jika murid tidak melepasi tahap yang ditetapkan, maka, mereka perlu mengikuti program LINUS atau Program Pendidikan Khas.

Bagi mereka yang mempunyai pembelajaran akan dirujuk kepada pengamal perubatan untuk mengesahkan sama ada mereka perlu dihantar ke Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran atau belajar di kelas biasa di bawah kendalian Guru Pemulihan. Semua instrumen saringan ini menggunakan Bahasa Melayu-Inggeris, Bahasa Cina-Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil-Bahasa Inggeris oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) .

Objektif utama saringan program LINUS adalah untuk mengenal pasti pelajar yang menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran berkenaan pada peringkat awal dan memulihkan mereka sebelum tertinggal lebih jauh berbanding dengan rakan sebaya mereka.

Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) LINUS berhasrat memastikan semua murid menguasai kemahiran literasi dan numerasi apabila memasuki Tahun 3. Untuk tahun 2010 sasaran KPM adalah pencapaian sebanyak 90 peratus untuk Tahun 1 (Kohort 1), 95 peratus pada tahun 2011 dan 100 peratus untuk murid-murid kohort 1 ini yang akan memasuki Tahun 3 pada 2012.

Proses saringan membabitkan dua bahagian iaitu lisan yang dijalankan secara individu antara guru dan murid manakala ujian bertulis dijalankan secara serentak. Saringan literasi dan numerasi juga dijalankan secara berasingan membabitkan guru Bahasa Malaysia dan Matematik. Program LINUS menggunakan kurikulum KBSR sebagai asas dalam menentukan skop kandungan pengajaran dan pembelajaran. Kandungan skop kurikulum literasi bermula dengan pengenalan abjad, suku kata, perkataan, frasa, ayat tunggal dan ayat majmuk mudah. Bagi numerasi pula merangkumi aspek nombor bermula dari sifar hingga angka 1000 yang melibatkan operasi asas tambah, darab dan bahagi, disamping mengaplikasikannya dalam pengiraan pengukuran.

Guru Bahasa Malaysia dan guru Matematik serta dibantu oleh Guru Pemulihan Khas yang dipertanggungjawabkan untuk menerajui usaha mengatasi masalah literasi dan numerasi di sekolah rendah. Bagi pelajar-pelajar yang menghadapi gangguan emosi biasanya tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran dan oleh itu, pencapaian akademik mereka tidak memuaskan. Inilah yang berlaku pada murid-murid pemulihan di dalam kelas LINUS, PROTIM dan Pemulihan Khas.

Guru Pemulihan Khas ditempatkan di sekolah mengikut nisbah murid LINUS Tegar. Nisbah guru-murid bagi program ini adalah 1:15 supaya tumpuan sepenuhnya dapat diberikan kepada murid berkenaan.

Program LINUS dilaksanakan dalam waktu Bahasa Malaysia dan Matematik mengikut peruntukan waktu yang sedia ada. Sebanyak 360 minit seminggu diperuntukkan bagi Bahasa Malaysia di Sekolah Kebangsaan dan 270 minit seminggu di Sekolah Jenis Kebangsaan, manakala 210 minit seminggu bagi Matematik. Mulai Tahun 2013 tiada lagi istilah murid linus dan linus tegar. Hanya dua sahaja kategori iaitu murid yang menguasai dan tidak menguasai. Hanya murid yang menguasai semua dua belas konstruk sahaja dinamakan murid yang menguasai.

Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dibangunkan ialah yang telah mewujudkan modul pengajaran dan pembelajaran yang mengandungi kemahiran literasi dan numerasi bagi murid Tahun 1 hingga Tahun 3. Modul ini berbeza dengan kerana dia lebih memberi tumpuan kepada penguasaan kemahiran literasi atau modul pemulihan untuk murid Tahun 4 hingga Tahun 6. Modul ini lebih memberi tumpuan kepada aplikasi konsep yang dipelajari. Mempunyai konsep daripada paling mudah ke aras sukar. Guru-guru telah diberikan latihan yang intensif supaya dapat menyampaikan modul pembelajaran yang telah dibina dengan berkesan.

Program kesedaran juga telah dilakukan bagi meningkatkan kefahaman semua pihak mengenai kepentingan program LINUS untuk mendapat sokongan. Contohnya semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Guru Besar, ibu bapa, kesatuan-kesatuan guru dan masyarakat bermula Disember 2009 hingga kini berusaha keras untuk merealisasikan program linus ini. Laporan keputusan dari hasil pemantauan dilakukan dua kali setahun. Pemantauan dan penyeliaan yang dilakukan oleh pegawai di Pejabat Pelajaran

Daerah (PPD) dan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti dijalankan ke atas 10 peratus sekolah-sekolah yang berprestasi rendah.

Maka jawatan fasilitator iaitu FasiLINUS (Fasilitator LINUS) telah diwujudkan di Pejabat Pelajaran Daerah di seluruh negara untuk membantu guru yang mengajar literasi dan numerasi di sekolah. Mereka membantu pihak sekolah dalam menjalankan perancangan strategi berdasarkan keputusan saringan.. Selain menjalankan 'coaching and mentoring' ke atas guru-guru di sekolah, FasiLINUS adalah sebagai pegawai antara sekolah, PPD, JPN dan Kementerian Pendidikan

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyedari bahawa isi asas literasi dan numerasi masih belum dapat diatasi sepenuhnya walaupun telah dilaksanakan pelbagai program pemulihan. Program Linus ini merupakan satu program kesinambungan daripada program sedia ada dan dirancang dengan lebih teliti dan sistematik. Pelaksanaan program ini di sekolah adalah satu transformasi pendidikan yang dianggap mencapai standard yang setaraf dengan pendidikan di negara-negara maju yang lain.

Walaupun terdapat tindak balas secara lisan tentang pelaksanaan program ini, namun dia perlu dibuktikan secara telus. Apabila berlakunya sesuatu perubahan sudah tentu akan dapat pelbagai implikasi yang akan mendapat pandangan yang positif atau sebaliknya.

Menurut Edmond (1979) dan Bush dan Forman(1998), kualiti pengurusan dan kepimpinan sekolah dilihat sebagai kunci kecemerlangan sekolah. Sekolah merupakan penentu kejayaan atau kegagalan program dan dasar pendidikan dalam sistem pendidikan. Pengurusan dan budaya yang positif di sekeliling

sekolah akan mempengaruhi matlamat dan fokus di sesebuah sekolah. Pengurusan berkesan memerlukan teori dan pendekatan pengurusan pendidikan terkini serta peka dengan keadaan setempat. Isu pengurusan di sekolah biasanya diberikan keutamaan dalam membicarakan tentang reformasi pendidikan. Pengurusan yang mantap dalam sistem pendidikan mampu menghasilkan insan yang mempunyai daya tahan yang tinggi bagi memenuhi inspirasi dan kehendak individu, masyarakat serta negara (Wan Mohd Zahid Nordin, 1973).

Sebagai pentadbir seperti pengetua atau guru besar pengetahuan pentadbir dan guru mengenai sesuatu program sangat diperlukan. Program LINUS ini dapat di urus dan dijalankan secara sistematik dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Menurut O'Sullivan et al. (1990), pengurusan bukan sahaja diuruskan oleh guru besar, tetapi juga guru penolong kanan, guru kanan mata pelajaran dan guru-guru dengan tanggungjawab khusus. Semua pemimpin, guru-guru dan staf sokongan adalah sebagai perancang, pengawal dan pelaksana.

Fullan dan Miles (1992) berpendapat antara masalah dalam pelaksanaan inovasi adalah kewujudan perasaaan bimbang, konflik, rasa tidak tenteram dan kesukaran guru untuk menukar amalan sedia ada kepada amalan baru. Maka perlunya meningkatkan semangat untuk menerima sesuatu perubahan itu amat penting. Persediaan dan sikap guru di dalam kelas itu penting, maka kesediaan murid untuk belajar, tetapi juga dipengaruhi bagaimana pendidikan yang bermutu boleh diwujudkan melalui pengurusan pendidikan yang bersistem, berkesan dan cekap tetapi hormanis dan berteraskan ilmu. Pengurusan yang bermatlamat oleh sesebuah sekolah untuk menjayakan program yang dirancang dan dibina oleh kementerian.

Program LINUS ini adalah salah satu cabaran baru yang perlu dihadapi oleh sistem pendidikan kita. Demi untuk meningkatkan penguasaan kemahiran literasi dan numerasi untuk murid-murid Tahap 1. Masih ramai lagi murid yang tidak menguasai kemahiran yang di tetapkan. Faktor yang menjadi demikian

ialah sikap dan strategi pengajaran guru yang tidak kreatif kerana kurang latihan. Saiz kelas juga mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Perhatian yang lebih perlu diberikan perhatian. Semua masalah ini timbul kerana kurangnya peranan Guru Pemulihan dan pemantauan program oleh pentadbir.

Keciciran di dalam program linus ini memberi impak yang besar jika tidak di atasi dengan segera. Kemahiran ini perlu diperkukuhkan kerana akan menyebabkan kesukaran untuk mempelajari ilmu-ilmu lain yang lebih tinggi. Menurut Mercer (2005), kegagalan literasi akan membawa kepada risiko kegagalan semasa di sekolah. Oleh itu, kelemahan penguasaan bahasa seperti lemah membaca amat merugikan.

Murid-murid perlu menguasai ke dua-dua belas konstruk tersebut, jika tidak menguasai, menyebabkan kesukaran murid-murid tersebut memahami pengajaran dan pembelajaran yang di ajar. Pada tahun 2008, hamper 32 000 pelajar tercicir dalam subjek Matematik dari pelbagai peringkat persekolahan. Pada tahun 2006 pula, terdapat 11 peratus atau seramai 50 235 murid tahun 1 tidak mencapai sasaran standard literasi di Malaysia . Pada tahun 2007, terdapat pengurangan sebanyak 10% iaitu seramai 51 486 murid Tahun 1 tidak mencapai standart literasi pada akhir Tahun 1. Namun begitu, pada tahun 2008 terdapat peningkatan sebanyak tiga peratus dari tahun sebelumnya iaitu sebanyak 13% bersamaan dengan 54 000 orang murid gagal dalam standard literasi.

Pelaksanaan program linus ini adalah satu perkara yang tidak oleh dipandang ringan. Mereka menempuh pelbagai cabaran, terutamanya kepada guru-guru yang mengajar. Mereka juge perlu melaksanakan sistem fail yang teratur dengan data-datanya sekali. Pengurusan kelas juga perlu diuruskan dengan sebaik yang mungkin.

Menurut Laporan PPD Kinabatangan (2010), masalah ini diburukkan lagi dengan adanya guru-guru bukan opsyen, Guru Sandaran Tidak Terlatih

serta tiada pengalaman mengajar literasi dan numerasi. Nasiriah Md Yusuff (2001), yang bertajuk Latihan dalam Perkhidmatan mendapati guru-guru terlatih mampu untuk mengubahsuai pengajaran mereka. Penyebaran maklumat berkaitan dengan LINUS juga telah dijalankan secara menyeluruh kepada guru-guru Bahasa Malaysia dan Matematik yang tidak menghadiri kursus. Hanya guru-guru yang terlibat dalam kelas LINUS sahaja yang diberi taklimat atau kursus oleh Pejabat Pelajaran Daerah.

Menurut Laporan PPD Kinabatangan (2011), Jawatankuasa Khas LINUS di sekolah juga kurang berfungsi dalam membincang serta merancang program sokongan, isu dan masalah pelaksanaan kelas LINUS serta tindakan susulan yang sewajarnya. Pelaksanaan program ini juga berlaku pertembungan dengan pelaksanaan kurikulum yang baharu iaitu Kurikulum Satandard Sekolah Rendah (KSSR) yang bermula pada tahun 2011.

Di sini guru menghadapi masalah kekeliruan dan tekanan kerja yang tinggi. Maka pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah(PBS) dalam KSSR, terdapat guru murid LINUS kepada guru pemulihan khas. Alasannya untuk mengelakkan kesukaran guru mata pelajaran membuat pentaksiran.

Guru-guru Tahap 1 yang mengajar mata pelajaran LINUS Bahasa Malaysia dan Matematik membuat kenyataan bahawa program LINUS ini menjadi bebanan mereka. Guru Besar sebagai pentadbir memberi tekanan kepada guru-guru supaya menghasilkan murid-murid arus perdana dan mensifarkan murid LINUS. Guru dalam keadaan tertekan terpaksa melepaskan murid tersebut ke arus perdana walaupun pada hakikatnya keputusan saringan tidak melayakkan murid berada dalam kelas perdana. Mengikut kajian PPD Kota Tinggi, guru melepaskan murid ketika saringan, sepatutnya kemahiran itu boleh diberi masa untuk menguasainya.



Terdapat guru yang beranggapan bahawa pengesanan saringan ini adalah sama dengan ujian pengesanan mata pelajaran lain. Jawatankuasa Kerja Program LINUS Kementerian Pelajaran Malaysia yang membuat pemantauan semasa saringan dijalankan mendapati guru membuat saringan seperti menjalankan ujian atau peperiksaan. Kekeliruan membaca manual di muka surat depan yang menyatakan jangka masa yang diberikan untuk melaksanakan saringan ini Menurut PPD Kota Tinggi (2011) murid-murid tidak diberi bimbingan ketika melakukan saringan dua mata pelajaran tersebut.

Sebahagian besar guru LINUS yang mengajar tidak pernah menghadiri sebarang kursus intervensi berkenaan program LINUS. Menurut kajian oleh Nasriah Md Yusuff (2011), guru LINUS menyatakan mereka tidak pernah menghadiri kursus berkenaan program LINUS. Sebenarnya menurut Ahmad Idris (1990) menekankan perlunya berkursus bagi latihan guru bagi memastikan keberkesanan sesuatu tugas yang diberikan. Segala latar belakang masalah yang dihadapi dalam menjayakan program LINUS ini sesungguhnya memerlukan kerjasama dari semua pihak.

Maka saya selaku penulis membuat kajian LINUS ini di sekolah. Peranan FasiLINUS adalah penting dalam menjayakan program LINUS ini. Kejayaan dalam program ini bergantung juga kepada pengurusan dan organisasi yang baik dan teratur. Bagi melaksanakannya dengan cekap pengawalan dan pemantauan yang berterusan amatlah penting untuk mencapai matlamat dan objektif program LINUS.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Terdapat lebih 80 ribu murid-murid sekolah gagal menguasai kemahiran membaca dan menulis mengikut Unit Rendah, Bahagian Sekolah Tahun 2006. Kementerian Pelajaran Malaysia telah membuat langkah tangkas untuk

melaksanakan program LINUS ini. Maka Setiausaha Parlimen, Kementerian Pelajaran Malaysia semasa merasmikan Seminar Pendidikan Khas ke-3, beliau mendedahkan bahawa seramai hampir 520 ribu orang murid daripada 5.1 juta murid-murid mengalami masalah membaca akibat disleksia (Utusan Malaysia, Oktober 2006)

Melalui kajian-kajian lepas masalah buta huruf masih tidak dapat di atasi lagi. Rajaeswari Ramasamy (2008) menjalankan kajian untuk mengukur tahap kewujudan masalah disleksia yang mempengaruhi pencapaian dalam pelajaran serta tingkah laku murid pemulihan di sekolah-sekolah rendah secara am serta untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan pemulihan dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk membantu murid pemulihan yang mempunyai masalah disleksia. Kajian ini telah dijalankan di sepuluh buah sekolah rendah Zon Timur Laut, negeri Pulau Pinang. Respon kajian terdiri daripada 120 orang murid-murid pemulihan dan 25 orang guru pendidikan khas daripada sepuluh buah sekolah yang sama. Didapati seramai 91 orang murid termasuk dalam kategori individu yang mempunyai tahap disleksia yang tinggi, 20 orang dalam tahap sederhana dan 3 orang dalam tahap rendah. Oleh itu peranan FasiLINUS sebagai pemudah cara untuk mengatasi masalah membaca, menulis dan mengira. Kajian yang dilakukan oleh Azman Wan Chik (1989) dalam Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Bahasa Melayu III mengatakan bahawa masalah membaca bahasa Melayu memang wujud dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa daripada 25 buah sekolah luar bandar menunjukkan 18% ada mengalami masalah membaca.

Seseorang itu jugs mula mempelajari perkara-perkara baru, lebih berinisiatif dan mempelajari banyak kemahiran. Galakan dan pujian akan menambahkan keyakinan mereka sebaliknya jika keinginan mereka dihalang akan menyebabkan mereka berasa rendah diri, merasai kegagalan dan ketidakmampuan. Perkembangan psikososial yang seimbang di setiap peringkat

perkembangan manusia membolehkan seseorang individu menuju ke arah berdikari, bertanggungjawab, meningkatkan keupayaan, menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial, mengawal diri dengan baik, mengurangkan sifat agresifnya serta mencapai kesempurnaan diri (Erikson,1965).

### **Objektif kajian**

- a. Mengenalpasti konsep serta tujuan Program LINUS di sekolah.
- b. Mengenalpasti masalah dalam melaksanakan program LINUS dari aspek pentadbiran.
- c. Mengenalpasti masalah PdP guru yang mengajar di dalam Program LINUS.
- d. Mengenalpasti peranan yang dimainkan oleh PIBG dan komuniti luas dalam membantu melaksanakan Program LINUS.
- e. Mengenalpasti aktiviti pelaksanaan LINUS di sekolah.
- f. Mengenalpasti peranan yang dimainkan oleh FasiLINUS semasa di sekolah.
- g. Kebolehan FasiLINUS dalam melaksanakan tugas.
- h. Mendapatkan cadangan bagi memperbaiki pelaksanaan LINUS di sekolah.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Pada dasarnya, kajian ini cuba mencari jawapan kepada persoalan-persoalan yang

berikut:

- a. Apakah tahap keberkesanan FasiLINUS dalam program LINUS.
- b. Apakah tahap kebolehan guru-guru dalam melaksanakan tugas dalam program LINUS.

- c. Adakah terdapat hubungan kebolehan FasiLINUS dengan kebolehan guru LINUS
- d. Apakah aspek keberkesanan FasiLINUS yang boleh membantu kepada kebolehan guru LINUS.
- e. Apakah strategi-strategi yang digunakan oleh pihak pengurusan sekolah untuk menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam program LINUS di sekolah.

## **1.6 Rasional**

Akan dapat memantapkan lagi peranan KPM yang menyasarkan bahawa semua murid normal berkeupayaan menguasai literasi dan numerasi lepas tiga tahun mengikuti pendidikan Tahap 1. Ini bersesuaian dengan gelombang ke dua Pelan Induk Pendidikan (2015-2025) yang untuk melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang ada. Maka ini akan dijadikan garis panduan dalam sistem pendidikan negara dan akan memupuk sikap supaya melahirkan individu yang mampu berkembang maju dan bersaing pada peringkat global.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri serta Pejabat Pelajaran Daerah sudah memberikan maklumat untuk merancang dan merangka kursus dan latihan yang berkaitan dengan program LINUS ini. Melalui program LINUS ini juga, diharap dapat membantu guru-guru LINUS memahami di samping itu mereka merancang dan melaksanakan program LINUS di sekolah supaya lebih sistematik sekolah. Kajian ini dillakukan juga untuk:

- a. Tidak terdapat kajian tentang kajian peranan FasiLINUS di dalam program LINUS
- b. Kajian ini memudahkan pihak pentadbiran untuk menilai kembali tugas kumpulan guru LINUS supaya mencapai tanda awal yang ditetapkan.
- c. Kajian ini dapat mengenal pasti keberkesanan kepimpinan pengetahuan dalam melahirkan kelompok pemimpin akan datang.

## **1.8 Skop Kajian**

Terdapat batasan dan had bagi kajian yang dijalankan ini. Item yang hendak dikaji adalah peranan FasiLINUS dalam pelaksanaan program LINUS dalam meningkatkan prestasi murid LINUS berdasarkan persepsi guru-guru LINUS serta masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan peranan ini.

1.8.1 Populasi kajian hanya di sekolah rendah dalam daerah Muar iaitu di Zon Lenga, Zon Bukit Gambir, Zon Pt Bunga, Zon Sg Balang, Zon Maharani dan Zon Tangkak. Responden kajian terdiri daripada guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Matematik yang terpilih dan hasil kajian boleh digeneralisasikan oleh guru-guru dalam daerah Muar sahaja kerana ia tidak melambangkan persepsi semua guru yang mengajar LINUS yang ada di Malaysia.

1.8.2 Instrumen temubual pula dibina berdasarkan temubual lisan dengan beberapa orang penyelaras dan guru LINUS tentang cara mereka menggunakan FasiLINUS dalam meningkatkan kemahiran membaca, menulis dan mengira di sekolah dan tentang masalah-masalah yang mereka hadapi dalam melaksanakan peranan ini di sekolah.

1.8.3 Keikhlasan responden kajian juga merupakan faktor penting yang dapat menjamin kesahihan dapatan kajian ini. Oleh itu, pengkaji menganggap bahawa segala maklumat yang diberi adalah menggambarkan persepsi sebenar guru terhadap peranan FasiLINUS di sekolah.

## **1.9 Prosedur Kajian**

Langkah yang pertama yang dilakukan oleh penyelidik ialah mengadakan perbincangan dengan penyelia mengenai tajuk dan masalah yang dihadapi. Penyelidik mencari sumber-sumber yang boleh digunakan dalam kajian ini. Setelah itu, penyelidik menyediakan kertas cadangan.

Penyelidik turut memohon pengesahan daripada Universiti Teknologi Malaysia. Surat itu perlu untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama daripada pihak sekolah untuk menjalankan penyelidikan ini. Penyelidik turut memohon surat pengesahan daripada PPD Muar. Penyelidik jua membuat surat kebenaran menjalankan kajian daripada 'Education Planning and Research Division, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penyelidik juga mendapat surat kebenaran pihak sekolah, penyelidik menjalankan kajian di sekolah. Masa yang diperuntukkan amat terhad ketika berjumpa dengan guru besar. Langkah terakhir ialah menemuramah guru mengumpul hasil temuramah dan menganalisis hasil temuramah tersebut.

### **1.10. Definisi Istilah / Operasional**

Dalam kajian ini, terdapat pelbagai makna dan pendapat tentang istilah yang berkaitan dengan kajian ini.

### **1.10.1 Numerasi**

Menurut Dictionary of the English Language Edisi Keempat (2009), numerasi adalah keupayan berfikir dan berkemahiran dalam aspek kuantitatif iaitu angka dan nombor.

### **1.10.2 Literasi**

Literasi adalah sebagai kemampuan minimum untuk membaca dan menulis dalam sesuatu bahasa. Dalam Kamus Dewan edisi ke-4, literasi bermaksud kebolehan menulis dan membaca. Menurut ACT Department of Education and Training. Menurut ACT Department of Education and Training (2007), literasi adalah keupayaan untuk membaca, menulis dengan sesuai dalam pelbagai konteks untuk pelbagai tujuan dan untuk berkomunikasi dengan pelbagai khalayak. Membaca dan menulis apabila digabungkan dengan bertutur, mendengar, melihat dan berfikir secara kritikal merupakan aspek penting literasi dalam kehidupan serba moden ini.

### **1.10.3 Saringan**

Menurut Dictionary of the English Language Edisi Keempat (2009), saringan ialah satu pemeriksaan dan penilaian yang sistematik yang dilakukan untuk mengesan bahan atau sifat yang tidak diinginkan. Saringan juga difahami sebagai pemilihan, pengasingan, pemisahan dan penentuan murid menguasai kemahiran literasi dan numerasi. Dengan murid yang tidak menguasai kemahiran mengikut konstruk-konstruk yang ada. Maka dalam kajian ini saringan bermaksud proses mendapatkan maklumat daripada satu tugas yang diberikan dengan menentukan keupayaan murid sama ada telah menguasai sesuatu konstruk yang ditentukan.

#### **1.10.4 Konstruk**

Konstruk ialah perkara yang hendak ditaksir, merupakan dimensi manusia yang berbentuk konkrit seperti tinggi dan berat. Berbentuk abstrak seperti pengetahuan, kemahiran dan sikap yang cuba dibangunkan atau diperkembangkan melalui hasil pembelajaran sesuatu mata pelajaran. Konstruk ialah bidang yang menjadi tunjang atau asas kepada pengajian pembelajaran. Maka konstruk ialah kemahiran atau keupayaan yang ingin diuji kepada murid.

#### **1.10.5 Pengurusan**

Henry Mintzberg (1980) berpendapat pengurusan sebagai usaha untuk meramal dan merancang, mengorganisasi, mengarah, mengkoordinasi dan mengawal. Pengurusan adalah melaksanakan sesuatu melalui manusia iaitu satu proses sosial dibentuk, disusun untuk mewujudkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan ahli-ahli dalam sesebuah organisasi untuk mencapai objektif dan matlamat. Pengurusan boleh juga ditakrifkan sebagai satu seni bagi melaksanakan proses kerja yang dirancang melalui dan dilaksanakan secara sistematis, teratur dan mempunyai garisan panduan yang telah dibekalkan.

#### **1.10.6 Sekolah Kebangsaan**

Sekolah Kebangsaan ialah sekolah rendah kerajaan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar semasa perubahan. Sekolah Kebangsaan ini ialah sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan yang menyediakan pendidikan yang sesuai bagi murid dari umur enam tahun. Menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Menjadikan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib.



Dalam kajian ini, sekolah kebangsaan, sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil adalah sekolah-sekolah kerajaan yang mempunyai murid-murid linus.

#### **1.10.7 Guru**

Guru didefinisikan sebagai golongan manusia yang memberi kesan lebih nyata terhadap perkebangn personliti, mental dan fizikal setiap manusia (Noran,1993). Guru juga berperanan mencorakkan haluan pelajar bagi masa depan mereka. (Kamarudin Hj Kachar,1989). Menurut Kamus Dewan, guru ialah orang yang mengajar, pendidik, pengajar dan pengasuh. Dalam kajian ini, guru ialah semua guru yang mengajar dalam program linus iaitu Penyelaras, Guru Matematik, Guru Bahasa Malaysia serta Guru pemulihan Tahun 1, 2 dan 3.


#### **1.10.8 Pengetahuan**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), pengetahuan bermaksud mengetahui apa-apa yang diketahui atau kepandaian seseorang. Pengetahuan adalah sinonim dengan ilmu, iaitu segala yang diketahui atau dipelajari tentang sesuatu ilmu. Pengetahuan juga merupakan maklumat yang diketahui berkenaan bidang tertentu bagi sesuatu penggunaan. Bagi kajian ini, pengetahuan ialah maklumat yang diketahui oleh guru untuk melaksanakan Program LINUS di sekolah.

#### **1.10.9 Pengurusan Bilik Darjah**

Bilik darjah merupakan tempat berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Pengurusan bilik darjah merupakan satu set tingkah laku guru

### 1.11 Kerangka konseptual kajian



**Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian**

yang meliputi pelbagai aspek di mana guru akan membentuk dan mengekalkan kondisi pembelajaran seperti diharapkan . Lemlech(1988), mengibaratkan pengurusan bilik darjah sebagai okestra dalam kehidupan di bilik darjah yang

memerlukan pembentukan kurikulum dan sumber pengajaran. Penyusunan dalam bilik darjah penting bagi suasana murid, perkembangan pelajar serta guru dalam memikirkan terlebih dahulu masalah-masalah yang mungkin akan timbul

Dalam kajian ini, pengurusan bilik darjah merupakan perbuatan mengurus aktiviti-aktiviti bilik darjah, pengajaran dan struktur fizikal di tempat interaksi antara guru dengan murid LINUS yang meliputi ruang pengajaran dan pembelajaran (PdP).

### **1.12 Kesimpulan**

Program LINUS yang dilaksanakan di sekolah berkait rapat dengan tahap pengetahuan dan amalan pengurusan warga sekolah. Guru Besar adalah pemimpin dalam organisasi yang mampu memandu guru-guru untuk melaksanakan sesuatu program seperti yang diutarakan oleh Kementerian Pelajaran. Guru-guru perlu mempunyai pengetahuan mengenai sesuatu program sebelum melaksanakannya di sekolah. Di sekolah guru sudah mengetahui pelajar-pelajar mempunyai pelbagai keperluan dan akan berusaha memenuhi keperluan-keperluan itu. Kegagalan mereka memenuhi keperluan tertentu akan mengakibatkan mereka menghadapi kesukaran semasa berada dalam satu peringkat keperluan lagi dan dengan ini gangguan emosi terjadi. Pelajar yang menghadapi gangguan emosi biasanya tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran dan oleh itu, pencapaian akademik mereka tidak memuaskan. Itulah yang berlaku pada murid-murid pemulihan di dalam kelas LINUS, PROTIM dan Pemulihan Khas. Dalam melaksanakan sesuatu program itu, maka ada sahaja kekangan yang perlu diatasi agar matlamat untuk menghapuskan buta huruf dan buta nombor awal Tahap 1 akan tercapai.

## Rujukan

- Abdul Rasid Jamian. 2011. Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Bil 1:12
- Alimuddin Mohd Dom (2011). Pengetua Teraju Kecemerlangan Sekolah. *Utusan Malaysia Online*. Dimuat turun pada 12 November 2012, dari <http://perkhidmatanpelajaran.blogspot.com>.
- Alimuddin Mohd Dom (2011). Cabaran Baru Kepimpinan Sekolah Melalui Bai'ah. *Utusan Malaysia Online*. Dimuat turun pada (4 Julai 2012), dari <http://www.utusan.com.my/utusan/info>.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, dan Lim Ting Theng (2010). *Gaya Kepimpinan Guru Besar Dan Hubungannya Dengan Faktor-Faktor Kepimpinan Di Sekolah Penerima Anugerah Sekolah Cemerlang Di Negeri Melaka*.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.
- Blandford, S. (2000). *Managing Professional Development In School*. United Kingdom: Routledge.

- Che Zanariah dan Fadzilah.2011. Pelaksanaan Pengajaran dan Pemelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah rendah. Ural Pendidikan Bahasa Melayu Bil 1:67-87
- Coombs. B (1995). *Successful Teaching*. Jordan: Heinemann Education Publishers .
- Davies. B & West-Burham. J (1997). *Reengineering & Total Quality In Schools*. United Kingdom: Pearson Education Limited.
- Fidler. B (1996). *Strategic Planning For School Improvement*. United Kingdom: Pearson Education Limited.
- Hasnalee Tubah.2008.Tahap Penguasaan Dan Kesukaran Membaca Dan Menulis Dalam Kalangan Murid KIA2AM. Jurnal Penyelidikan Pendidikan IPTAR : 174-194
- Jamilah Ahmad & Yusof Boon (2011). Amalan Kepimpinan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Di Malaysia. *Journal of Edupres, Volume 1 September 2011, Pages 323-335*.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (2010). Dimuat turun pada 22 Oktober 2012, dari <http://www.moe.gov.my/jnjk/page62/page68/page68.html>.
- Jurnal Pendidikan 2012, Kajian Program LINUS Faktor Murid Tidak Menguasai Kemahiran Asas Literasi Dan Numerasi.KPM.
- Lokman Mohd Tahir, Khadijah Daud & Mohd Anuar Abdul Rahman (2011). *Teori dan Model Kepimpinan dalam Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia 2010 Government Transformation Programme :  
Literasi dan Numerasi.

Kementerian Pelajaran Malaysia .2011.Buku Panduan dan Penoperasian Program  
Literasi dan Numerasi (LINUS).Terbitan Bahagian Pembangunan  
Kurikulum, KPM.

Laporan Pemantauan LINUS .2011,Unit Akademik Pejabat Pelajaran Daerah  
Muar.

Roselan Baki.2003.Pengajaran dan Pembelajaran penulisan Bahasa Melayu.Shah  
Alam: Karisma Publications Sdn .Bhd

Maxwell, J.C. (2004). *The 21 Indispensable Qualities Of A Leader*. America:  
Thomas Nelson, Inc.

Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Selangor:  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik  
Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (2008). Gaya Kepimpinan Pengetua dan Ciri-ciri  
Yang Efektif. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Jilid, 13  
Oktober 2008. hal. 73-84.*

Mohd Najib Abdul Ghafar (2010). *Pembangunan Organisasi Pendidikan*. Skudai:  
Universiti Teknologi Malaysia.

Persidangan LINUS Kebangsaan 2011 KPM- Linus Asas Tranformasi Pendidikan Negara Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025- Laporan Awal-Ringkasan Eksekutif. Modul Kelestarian LINUS NKRA Literasi BPG 2013,BPG KPM

Norhisyam Mohamad (8 Disember 2009). Guru Disiksa Tugas Perkeranian Jejas Prestasi Sekolah Kebangsaan. *Berita Harian Online*. Dimuat turun pada 12 November 2012, dari <http://perkhidmatanpelajaran.blogspot.com/2009/12/> .

*NKRA Kementerian Pelajaran Malaysia* (2011). Dimuat turun pada 20 Oktober 2012, dari <http://www.moe.gov.myl>.

Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 3 (2011). Di muat turun pada 28 November 2012, dari <http://www.moe.gov.my/upload>.

*NKRA Kementerian Pelajaran Malaysia* (2011) . Dimuat turun pada 20 Oktober 2012 dari <http://www.moe.gov.myl>

Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 1 (2011). *BITB di Bawah NKRA Pendidikan di Sekolah-sekolah KPM*. Di muat turun pada 28 November 2012, dari <http://www.moe.gov.my/upload>.

Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 3 (2011). Lanjutan BITB. Di muat turun pada 28 November 2012, dari <http://www.moe.gov.my/upload>.

Siti Rosimah Sufa'at (2 Disember 2012). *Artikel: Isu Beban Tugas Guru*. Dimuat turun pada 18 Oktober 2012, dari <http://grouppsv89.blogspot.com>.

Yahya Othman.2004. Mengajar membaca: Teori dan aplikasi.Bentong:PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd

Zinitulniza Abd Kadir (2011). *Sudut Pandang Muhyiddin Yassin*. Kuala Lumpur:  
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.